

MARKAH PENUH : 100 MARKAH**BAHAGIAN A : Sistem dan Aplikasi Bahasa**

Markah penuh : **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu digunakan dalam dua ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

1. masih
2. perlu
3. harus
4. dapat
5. boleh

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 - Sintaksis

- (i) Di manakah tempat lahir Syaidatul Afisah?
- (ii) Syaidatul Afifah terkenal dalam sukan apa?
- (iii) Bagaimanakah minat Syaidatul Afifah dalam sukan boling berputik?
- (iv) Berapakah tahun Syaidatul Afifah menceburi bidang sukan boling?
- (v) Bilakah Afifah menghantar surat untuk menarik diri daripada skuad kebangsaan?
- (vi) Mengapakah Afifah membuat Keputusan untuk bersara daripada pasukan boling?

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan**Bahan 1**

1. kabar - khabar
2. bepeluang - berpeluang
3. enam buah pasukan sertai -disertai oleh enam pasukan
4. tanda tanya -tanda suka
5. yang -bahawa
6. respon -respons

Bahan 2

7. tempohari - tempoh hari
8. banyak benar sekali -banyak benar/banyak sekali
9. membuang -terbuang
10. memerlu -memerlukan
11. besar -banyak

[Maksimum : 11 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
-Isi cukup,mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Kertala Sari datang menyembah,” Entah apakah tugas membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada pendapat patik, jika negerinya pun dapat patik kalahkan dengan seorang diri, semua anak isterinya juga dapat patik ambil. Sekiranya patik belum membunuh Ratu Melaka dan Laksamana, patik tidak mahu menjadi penggawa.

[Maksimum : 5 markah]**Soalan 5 - Peribahasa**

- (i) sudah jatuh ditimpa tangga- kesusahan/kecelakaan datang berturut-turut

- (ii) menanam tebu di bibir mulut- kata-kata manis hanya lahir di mulut Sahaja, sedangkan tiada niat di hati untuk melakukannya.
- (iii) air susu dibalas dengan air tuba-kebaikan dibalas dengan kejahatan
- (iv) seperti lilin membakar diri- berkorban untuk kepentingan orang lain

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) **Maksud frasa *gagal mematuhi*.**

- | | |
|---------------------------|---|
| - tidak berjaya mengikuti | 2 |
| - tidak berjaya mematuhi | 1 |
| - gagal mengikuti | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah untuk memastikan keselamatan murid-murid di sekolah sentiasa terjamin

Bahan 1

P1 menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan di pintu masuk sekolah.

P2 boleh menggunakan khidmat polis atau Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) juga untuk mengawal lalu lintas di hadapan sekolah ketika murid-murid tiba di sekolah atau ketika murid-murid pulang dari sekolah.

Bahan 2

P1 Kementerian Pendidikan dengan tegasnya tidak membenarkan syarikat keselamatan mengambil warga asing untuk menjadi pengawal keselamatan di sekolah.

P2 Pihak pengurusan sekolah bersama-sama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diminta membuat laporan dengan segeranya dan telusnya jika syarikat keselamatan sekolah tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan

Bahan 3

P1 Encik perlu(pilihan) mendaftarkan nama di dalam buku pelawat ini sebelum masuk ke kawasan sekolah.

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- (iii) Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk menjamin keselamatan anak-anak ketika mereka pergi ke sekolah atau pulang dari sekolah:

- P1 menunggu anak di luar pagar sekolah ketika waktu pulang dari sekolah
- P2 meluang masa menghantar dan mengambil anak di sekolah
- P3 menggunakan perkhidmatan pengangkutan bas sekolah untuk menghantar dan mengambil anak di sekolah
- P4 sentiasa menasihati anak agar tidak merayau selepas waktu persekolahan berakhir

(tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) cara-cara yang boleh saya ambil untuk membantu murid itu agar tangisannya berhenti:

- P1 mengajak murid tersebut untuk menumpang kenderaan ayah saya
- P2 menelefon keluarga murid itu
- P3 memujuk dan menenangkan murid itu agar berhenti menangis
- P4 meminta/memberitahu guru bertugas untuk membantu
- P5 meminta bantuan pengawal keselamatan untuk membantu murid tersebut

(cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

- (i) Maksud rangkai kata nusa berdaulat :

- tanah air/negara/tanah tumpah darah berkuasa/bebas 2
- tanah air/negara/tanah tumpah darah berdaulat 1
- nusa berkuasa/bebas 1

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Cara-cara menunjukkan semangat cinta akan negara:

Bahan 1

- P1 hapuskan Malayan Union/menghapuskan penjajah
- P2 bersatu padu

Bahan 2

- P1 menggadai nyawa
- P2 menjadi rakyat yang bijaksana
- P3 mengekalkan perpaduan
- P4 mengekalkan keamanan

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Aktiviti-aktiviti untuk memupuk perasaan cinta akan negara di sekolah oleh pihak sekolah

- P1 pertandingan bertemakan patriotisme
- P2 persembahan pentas bertemakan patriotisme
- P3 gotong royong menghias kelas tema patriotisme
- P4 lawatan sambil belajar ke tempat bersejarah
- P5 pameran Sejarah negara
- P6 sambutan Hari Kebangsaan

(aktiviti yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) usaha-usaha untuk menarik minat remaja menceburi bidang ketenteraan

- P1 kerajaan mengadakan kempen kerjaya dalam bidang ketenteraan
- P2 kerajaan menawarkan gaji yang lumayan dalam bidang ketenteraan
- P3 kerajaan menetapkan syarat minimum kelayakan untuk menggalakkan remaja menceburi bidang ketenteraan
- P4 menubuhkan Program Kadet Remaja Sekolah sebagai penyertaan wajib
- P5 mengadakan kempen/pameran ketenteraan ke sekolah atau IPT
- P6 mewujudkan Program Latihan Asas Ketenteraan (PLKN)
- P7 menggunakan media sosial untuk memperkenalkan kerjaya tentera seperti filem PASKAL

(Cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8**(i) tindakan-tindakan yang dilakukan oleh penduduk kampung setelah selesai majlis tersebut :**

- P1 menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya
- P2 mengemas pentas
- P3 mengemas pasu-pasu bunga.
- P4 Sampah-sampah yang terdapat di persekitaran balai raya turut dikutip dan dimasukkan ke dalam plastik hitam.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]



(ii) Jawapan soalan novel

Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

- (i) Jawapan berdasarkan dua novel yang dikaji
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap **Peristiwa yang menunjukkan pentingnya ilmu dalam diri seseorang.**
- (iv) Berikan 1 markah bagi setiap **sebab bagi setiap novel**
- (v) Markah isi, maksimum 4 markah
- (vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

a) Novel Pantai Kasih

Peristiwa yang menunjukkan pentingnya ilmu dalam kehidupan.

1. Peristiwa

Peristiwa: Doktor Raiha meneliti filem Sinar-X tulang sendi pinggul Unong Siron untuk mencari punca berlaku infeksi sehingga menyebabkan pembedahan ke atas Unong Siron sebanyak lima kali itu gagal.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

2. Peristiwa

Peristiwa: Sikap Sister Felicia yang asalnya dari kawasan pedalaman di Inanam tetapi atas sikap kesungguhannya menuntut ilmu, dia berjaya menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana walaupun berada di pedalaman tidak menghalang seseorang untuk berjaya.

3. Peristiwa

Peristiwa: Doktor Raiha menempuh pelbagai cabaran sewaktu belajar untuk mencapai citanya sebagai doctor.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan bahawa kejayaan akan datang dengan usaha dan ketabahan.

Peristiwa: Doktor Raiha gigih menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron walaupun dalam keadaan tekanan emosi dan fizikal.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana dengan memiliki ilmu dapat membuat keputusan yang tepat dalam situasi kritikal.

b) Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa:

Peristiwa: Muhammad Taufik mengusahakan projek perumahan Ikhtiar Tekno Alam dengan membina rumah mesra alam demi memastikan kelestarian alam sekitar.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana dengan ilmu dapat menghasilkan idea yang bernas untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam.

2. Peristiwa:

Peristiwa: Nurul Hafsa membentangkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Nurul Hafsa juga berani mempertahankan hujahnya apabila disoal oleh Dato' Johan Arlington-Majid.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana itu dapat berhujah atau yakin dan menepis segala kritikan.

3. Peristiwa:

Peristiwa: Nurul Hafsa diterima bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin setelah tamat belajar di Jordan dalam bidang Fizik dan Ilmu Falak.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan untuk mendapatkan pekerjaan yang selesai.

- 4.** Peristiwa: Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit terlalu cerah pada waktu malam.

Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana dapat mengemukakan hujah dengan bijak bagi menyelesaikan masalah.

(Peristiwa lain diterima sekiranya sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN : BAHAGIAN C

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, selebihnya tidak perlu diperiksa.
 (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi		Bilangan Isi Diterima					Markah Isi Maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								16
Fokus 1	5	4	3	2	1			
Fokus 2	2	1	1	2	2			
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 2	3	1	2	2	3			
(iv) Isi Bahan 3								
Fokus 1	1	1	1	1	1			
Fokus 2	1	1	1	1	1			
Jumlah isi	12	8	8	8	8			
(iv) Penutup / Kesimpulan								2
	Jumlah Markah							20

Pendahuluan [2 markah]

Rumusan membincangkan **Kesan-kesan/impak ketagihan gajet dan peranan ibu bapa mengawal penggunaan gajet.**

Jika calon menyatakan dua fokus betul [2 markah]

Jika calon menyatakan satu fokus betul [1 markah]

ISI**Fokus 1 : Kesan ketagihan gajet****Bahan 1 (Petikan)**

1. Mengundang pelbagai masalah sosial dan penyalahgunaan dalam kalangan remaja
2. Pembaziran masa yang kritikal
3. Menyebabkan mata menjadi rabun
4. Menyebabkan kesakitan pada tulang belakang
5. Meningkatkan risiko bongkok pada usia muda

Bahan 3 (Grafik)

1. Sesetengah(wajib) remaja yang mengalami ketagihan gajet secara berlebihan akan terganggu perkembangan emosi mereka

Fokus 2: peranan ibu bapa mengawal penggunaan gajet**Bahan 1 (Petikan)**

1. Ibu bapa berperanan sebagai kamera litar tertutup dalam mengawasi pergerakan anak-anak ketika bermain gajet.
2. Ibu bapa sewajarnya bertindak tegas terhadap anak-anak apabila mereka menggunakan aplikasi

Bahan 2

1. Luangkan masa dengan anak-anak
2. Sediakan alternatif permainan
3. Tetapkan tempat untuk bermain gajet

Bahan 3

1. Ibu bapa boleh mencuba untuk mengehadkan masa penggunaan gajet anak-anak ketika di rumah

KESIMPULAN [2 markah]

K1 - Kesimpulannya, penggunaan gajet haruslah dikawal agar melahirkan generasi yang sejahtera.

[2 markah]

K2 - Kesimpulannya, penggunaan gajet haruslah dikawal.

[1 markah]

(b) **Bahasa [10 markah]**

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	8 – 10	▪ Kesenambungan ayat sangat baik ▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan
BAIK	5 – 7	▪ Kesenambungan ayat baik ▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat ▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan
SEDERHANA	3 – 4	▪ Kesenambungan ayat kurang baik ▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat ▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan
LEMAH	1 – 2	Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT